

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SEP228 - Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

1. Soalan-soalan dibahagi kepada Bahagian A, B dan C. SEMUA soalan dalam Bahagian A dan B MESTI dijawab, manakala DUA (2) soalan mesti dijawab daripada Bahagian C.
2. Peruntukan markah Bahagian A ialah 40 peratus dan Bahagian B dan C masing-masing diperuntukkan 30 peratus.
3. Jawab soalan Bahagian A di atas kertas OMR yang dibekalkan.
4. Asingkan ikatan jawapan Bahagian A daripada Bahagian B dan C
5. Kertas soalan MESTI dikembalikan bersama kertas jawapan.

...2/-

BAHAGIAN A [40 markah]

Soalan 1. Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian ini di atas kertas jawapan OMR. Pilih jawapan yang betul sama ada A, B, C, D atau E bagi setiap soalan, kemudian hitamkan pada ruangan (bubble) yang berkenaan di atas kertas jawapan OMR.

1. Malaysia adalah di antara negara yang mengamalkan perancangan sebahagian, berbanding perancangan keseluruhan seperti di Russia atau di Republik Rakyat Cina. Di antara rancangan atau pelan yang digunakan oleh Malaysia adalah ...
 - i. pelan setahun melalui belanjawan mengurus dan pembangunan negara
 - ii. Pelan Induk Perindustrian
 - iii. Pelan Perspektif 1970-1990 dan 1991-2000
 - iv. Rancangan Lima Tahun tanpa Penilaian semula Pertengahan Penggal

[A] i, ii dan iii
[B] i, ii dan iv
[C] ii, iii dan iv
[D] kesemua di atas adalah betul
[E] tiada jawapan di atas
2. Salah satu daripada dasar utama yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia adalah Dasar Ekonomi Baru (DEB). Di antara kenyataan berikut, yang manakah kenyataan yang **benar** tentang DEB:
 - i. Dasar itu merangkumi 2 dekad dan mula dilancarkan dalam RM3 dan digantikan dengan DPN dan MAPEN.
 - ii. Dasar itu merangkumi elemen membentuk semula struktur masyarakat, membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.
 - iii. Mementingkan penguasaan ekuiti 30% dalam sektor korporat dan strategik bagi Bumiputra.
 - iv. DEB dibuat dalam suasana statik dan melibatkan pembahagian semula harta dan kekayaan negara yang sedia wujud secara "Robin Hood".

[A] i, ii dan iii
[B] i, ii dan iv
[C] i, iii dan iv
[D] kesemua di atas adalah betul
[E] tiada jawapan di atas

3. Berikut adalah definisi perancangan ekonomi yang dikemukakan oleh Michael P. Todaro.
- i. Perancangan ekonomi adalah suatu usaha yang dibuat secara sedar dan sengaja.
 - ii. Perancangan dibuat oleh pertubuhan pusat untuk mempengaruhi, mengarah, dan dalam kes tertentu, mengawal perubahan-perubahan dalam pembolehubah utama ekonomi.
 - iii. Perancangan ekonomi hanya memberi perhatian kepada KDNK, penggunaan tabungan agregat dan perindustrian negara.
 - iv. Perancangan ekonomi melibatkan sesebuah negara atau wilayah bagi sesuatu tempoh tertentu mengikut suatu set objektif tertentu yang telah ditetapkan.
- [A] i, ii dan iii
[B] ii, iii dan iv
[C] i, ii dan iv
[D] iii dan iv sahaja
[E] tiada jawapan di atas
4. Perancangan ekonomi semestinya melibatkan unsur-unsur ...
- i. jangkaan dan anggaran
 - ii. pengaruh
 - iii. arah dan tujuan tertentu
 - iv. kawalan perubahan pembolehubah ekonomi
 - v. kawalan penuh setiap kegiatan manusia, isi rumah, firma dan korporat
- [A] i, ii, iii dan iv
[B] i, ii, iii dan v
[C] ii, iii, iv dan v
[D] kesemua di atas adalah unsur perancangan ekonomi
[E] tiada jawapan di atas
5. Manakah di antara pernyataan berikut tentang sektor perindustrian adalah **tidak benar**?
- [A] Akta Galakan Pelaburan diperkenalkan pada tahun 1968 untuk mengganti Ordinan Industri Perintis (1958)
 - [B] Sektor perindustrian bermula dengan cadangan dari Asian Development Bank pada tahun 1955
 - [C] Pertubuhan perbadanan seperti Syarikat Permodalan Kemajuan Negara untuk mengembangkan sektor perindustrian
 - [D] MARA ditubuhkan pada 1966 untuk menggalakkan penyertaan kaum Bumiputra dalam sektor perindustrian
 - [E] semua kenyataan di atas adalah tidak benar

6. Dalam perancangan ekonomi terdapat banyak jenis rancangan (plan). Definisi rancangan komprehensif adalah ...
- i. ia melibatkan matlamat-matlamat yang merangkumi kesemua aspek utama ekonomi nasional
 - ii. ia melibatkan kesemua aspek pengeluaran, penggunaan dan pertukaran barang dan perkhidmatan sesebuah negara
 - iii. ia melibatkan hanya projek tajaan sektor awam
 - iv. rancangan pembangunan perspektif negara yang melibatkan tempoh 20 hingga 30 tahun
- [A] i, ii dan iii
 [B] i dan iv
 [C] ii sahaja
 [D] kesemua di atas adalah betul
 [E] tiada jawapan di atas
7. Dari segi sumbangan sektor pertanian kepada KDNK, perkara-perkara berikut adalah benar:
- i. sumbangan sektor pertanian secara relatif semakin menurun
 - ii. sumbangan sektor pertanian kepada KDNK secara mutlak dan dalam ringgit semakin meningkat
 - iii. sumbangan pertanian kepada output negara lebih besar dari sektor perkhidmatan
 - iv. pertanian tiada peranan dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia
- [A] i, ii dan iii
 [B] i, ii dan iv
 [C] i dan ii
 [D] kesemua di atas adalah betul
 [E] tiada jawapan di atas
8. Dalam strategi Perkilangan ++, keluk nilai ditambah boleh ditingkatkan dengan ...
- i. meningkatkan daya usaha pekerja secara lebih efektif
 - ii. pembangunan sumber manusia melalui latihan teknikal dan vokasional
 - iii. galakan daripada kerajaan seperti pembinaan infrastruktur dan perlonggaran syarat-syarat perdagangan
 - iv. menambahkan perlaburan dalam penyelidikan dan pembangunan
- [A] i, ii dan iii
 [B] i, ii dan iv
 [C] ii, iii dan iv
 [D] ii dan iv
 [E] tiada jawapan di atas

9. Di antara matlamat utama khusus yang ditimbulkan oleh Dasar Pertanian Negara (1984 - 2000) adalah ...
- i. meningkatkan produktiviti penggunaan tanah yang sedia ada, dan tidak perlu diwujudkan atau ditambah dengan tanah baru
 - ii. menjamin bekalan bahan mentah yang cukup untuk industri asas tani tempatan dan bekalan beras sehingga 80% daripada keperluan negara
 - iii. memastikan petani kecil-kecilan cukup hidup Malaysia boleh hidup dengan senang (survival)
 - iv. meningkat produktiviti buruh pertanian supaya jumlah tenaga kerja yang diperlukan untuk sektor pertanian dapat dikurangkan
 - v. menggunakan tanah yang sedia ada dengan mempelbagaikan jenis tanaman yang bernilai tinggi bagi meningkatkan pendapatan petani-petani
- [A] i, ii dan iii
[B] i, ii, iv dan v
[C] ii, iii, iv dan v
[D] kesemua di atas adalah betul
[E] tiada jawapan di atas
10. Sesebuah negara yang inginkan perkembangan sektor perkilangan yang teratur dan berdaya saing mestilah meningkatkan keupayaan sektor pertaniannya. Dengan itu adalah penting disukat daya penghasilan sektor pertanian. Di antara petunjuk yang lazim digunakan oleh negara industri dalam menjaga peranan sektor pertanian yang berkekalan adalah ...
- i. peratus tenaga buruh yang perlu untuk menangani kekurangan pertanian dan makanan pada tahap yang tidak menggalakkan inflasi
 - ii. jumlah penduduk bandar yang mampu diberi makan oleh setiap petani
 - iii. pariti kuasa beli petani yang agak terjamin
 - iv. mengurangkan subsidi dan harga sokongan kepada petani
- [A] i, ii dan iii
[B] ii, iii dan iv
[C] i, iii dan iv
[D] i sahaja
[E] tiada jawapan di atas
11. Teras strategi bagi Pelan Induk Perindustrian Kedua **tidak termasuk** ...
- [A] meningkatkan daya saingan
[B] mambaiki asas ekonomi
[C] proses berintensif maklumat dan berteraskan pengetahuan
[D] syarikat pembuatan yang dimiliki Malaysia
[E] tiada jawapan di atas

12. Perbandingan di antara sistem pertanian negara Amerika Syarikat dan Malaysia, menghasilkan kesimpulan berikut:
- i. Akibat perkembangan teknologi dan mekanisasi, output setiap hektar tanah Amerika Syarikat lebih tinggi dari Malaysia
 - ii. Seorang petani Malaysia mampu menampung keperluan makanan 60 orang penghuni bandar berbanding 33 orang penghuni bandar bagi Amerika Syarikat
 - iii. Harga makanan yang rendah dan stabil di Amerika Syarikat menjadikan kos hidup pekerja bukan pertanian kekal rendah pada 16% daripada perbelanjaan isi rumah untuk makanan
 - iv. Ladang di Amerika Syarikat adalah luas pada purata 250 ekar sekeluarga, dan Amerika Syarikat masih berpegang kepada tradisi atau institusi ladang keluarga dan bukan ladang korporat
 - v. Pengeluaran penyelidikan gunaan di peringkat universiti dan Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA) amat memberatkan masalah dan isu praktik petani Amerika
- [A] i, ii, iii dan iv
[B] ii, iii, iv dan v
[C] i, iii, iv dan v
[D] ii, iii dan iv
[E] tiada jawapan di atas
13. Masalah berikut adalah penting bagi mengatasi isu dan masalah sektor pertanian.
- i. Galakkan anugerah ladang yang seluas 50 hektar setiap keluarga
 - ii. Setiap keluarga tani menanam satu produk sahaja, menepati konsep satu kampung satu produk
 - iii. Terapkan budaya cinta tanah dan tanaman seawal yang boleh di dalam sistem pendidikan negara Malaysia
 - iv. Kurangkan pertindihan peranan, agensi yang berperanan dalam sektor pertanian dan tambahkan kemudahan pemasaran dan kredit pertanian
 - v. Hidupkan semula institusi keluarga desa dan konsep khidmat nasihat yang lengkap satu perhentian (*one stop*) seperti gerak tani
- [A] i, ii dan iii
[B] ii, iii dan iv
[C] iii, iv dan v
[D] i dan ii
[E] tiada jawapan di atas

Gunakan jadual berikut untuk soalan 14, 15, 16 dan 17. Katakanlah jadual kadar cukai pendapatan negara Tobago adalah seperti berikut:

Kelas Pendapatan (\$)	Kadar Cukai
1 - 2,500	4%
2,501 - 5,000	7%
5,001 - 10,000	10%
10,001 - 20,000	12%
20,001 - 35,000	15%
> 35,000	20%

Seorang pekerja menerima pendapatan sebanyak \$ 5,800 setahun.

14. Apakah cukai pendapatan individu itu?

- [A] \$80
- [B] \$175
- [C] \$355
- [D] \$580
- [E] tiada jawapan di atas

15. Apakah kadar cukai marginal beliau?

- [A] 4%
- [B] 7%
- [C] 10%
- [D] 12%
- [E] 15%

16. Jika kerajaan membenarkan pelepasan sebanyak \$3,000, hitungkan penjimatan cukai daripada pelepasan itu.

- [A] \$152
- [B] \$234
- [C] \$280
- [D] \$696
- [E] tiada jawapan di atas

17. Jika kerajaan membenarkan ribat cukai sebanyak \$1,000, hitungkan penjimatan cukai daripada ribat itu.

- [A] \$10
- [B] \$261
- [C] \$336
- [D] \$1,000
- [E] tiada jawapan di atas

18. Perbelanjaan kerajaan yang tidak mendatangkan hasil atau perkhidmatan secara langsung dikenali dengan istilah ...
- [A] perbelanjaan mengurus
 - [B] perbelanjaan awam
 - [C] bayaran pindahan
 - [D] bayaran subsidi
 - [E] tiada jawapan di atas
19. Cukai harta pusaka merupakan satu contoh ...
- [A] cukai langsung
 - [B] cukai tak langsung
 - [C] cukai progresif
 - [D] cukai regresif
 - [E] tiada jawapan di atas
20. Insentif untuk kerja adalah paling tinggi di bawah cukai pendapatan yang berkadar ...
- [A] regresif
 - [B] progresif
 - [C] setimpal
 - [D] cukai nilai ditambah (VAT)
 - [E] tiada jawapan di atas
21. Pernyataan yang manakah dari senarai berikut mengenai sistem pengantaraan kewangan bukan bank adalah **benar**?
- i. dikawal oleh jabatan atau agensi kerajaan
 - ii. terdiri daripada institusi tabungan seperti Bank Simpanan Nasional
 - iii. memperolehi kumpulan wang mudah tunai daripada rumah diskaun untuk di labur
 - iv. memperolehi wang daripada sumber tertentu dan meminjam kepada segolongan masyarakat tertentu
- [A] i, ii dan iii
 - [B] i, ii dan iv
 - [C] i, iii dan iv
 - [D] i dan iv
 - [E] tiada jawapan di atas

22. Faktor-faktor yang berikut boleh menyebabkan nilai mata wang sesebuah negara naik nilai (*appreciate*) kecuali ...
- [A] pertumbuhan ekonomi yang pesat
 - [B] penawaran wang yang pesat
 - [C] peningkatan eksport
 - [D] peningkatan daya pengeluaran ekonomi
 - [E] aliran masuk pelaburan asing secara langsung
23. Mengikut Laporan Ekonomi 1994-95, pernyataan yang paling tepat tentang jurang upah dan daya pengeluaran (*wage-productivity gap*) di Malaysia adalah ...
- [A] daya pengeluaran meningkat sebanyak 2.2% manakala upah di sektor pembuatan meningkat sebanyak 6.7%
 - [B] daya pengeluaran meningkat sebanyak 6.7% manakala upah di sektor pembuatan meningkat sebanyak 2.2%
 - [C] daya pengeluaran meningkat sebanyak 7.6% manakala upah di sektor pembuatan meningkat sebanyak 6.7%
 - [D] daya pengeluaran meningkat sebanyak 6.7% manakala upah di sektor pembuatan meningkat sebanyak 7.6%
 - [E] tiada jawapan di atas
24. Kadar gunatenaga mengikut sektor pada masa kini ialah ...
- [A] 17% dalam sektor pertama, 36% dalam sektor kedua dan 47% dalam sektor ketiga
 - [B] 27% dalam sektor pertama, 26% dalam sektor kedua dan 47% dalam sektor ketiga
 - [C] 17% dalam sektor pertama, 46% dalam sektor kedua dan 47% dalam sektor ketiga
 - [D] 27% dalam sektor pertama, 36% dalam sektor kedua dan 37% dalam sektor ketiga
 - [E] tiada jawapan di atas
25. Kadar penduduk di Malaysia yang mempunyai pendidikan tinggi ialah:
- [A] di sekitar 11%
 - [B] di sekitar 21%
 - [C] di sekitar 31%
 - [D] di sekitar 41%
 - [E] tiada jawapan di atas

26. Pernyataan yang manakah dari senarai berikut **betul** mengenai sistem perbankan Islam Malaysia.
- [A] Penubuhannya berasaskan keinginan dan kewibawaan politik pihak pemerintah
 - [B] Lebih ramai pelanggan bukan Islam menggunakan kemudahan-kemudahan sistem ini berbanding dengan pelanggan-pelanggan Islam
 - [C] Sistem ini unik kerana ia merupakan sistem perbankan Islam yang pertama di dunia yang wujud dalam satu sistem dwi dengan sistem perbankan konvensional dan menawarkan kemudahan-kemudahan perbankan yang dapat menandingi kemudahan-kemudahan perbankan yang ditawarkan oleh sistem konvensional
 - [D] Hanya (A) dan (C) sahaja
 - [E] Kesemua di atas
27. Pilih pernyataan yang betul dari senarai yang diberikan berikut:
- [A] Matlamat kerajaan ialah untuk mewujudkan sebuah sistem kewangan Islam yang setanding dengan sistem kewangan konvensional dan kedua-dua sistem wujud secara bersaing dalam satu sistem dwi kewangan
 - [B] Matlamat kerajaan ialah untuk mewujudkan sebuah sistem kewangan Islam yang akan menggantikan sistem kewangan konvensional pada satu hari nanti
 - [C] Setakat ini sebuah sistem kewangan Islam yang sempurna dan setanding dengan sistem kewangan konvensional telah dapat diwujudkan dan kedua-dua sistem wujud secara bersaing dalam satu sistem dwi kewangan
 - [D] Setakat ini hanya sistem perbankan Islam yang setanding dengan sistem perbankan konvensional telah diwujudkan dan kedua-dua sistem wujud secara bersaing dalam satu sistem dwi kewangan
 - [E] kedua-dua (A) dan (D)
28. Langkah-langkah yang telah diambil untuk menambah bilangan institusi yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di Malaysia ialah ...
- [A] membenarkan penubuhan bank-bank Islam yang baru
 - [B] membenarkan bank-bank konvensional menubuhkan syarikat-syarikat subsidiari yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam
 - [C] membenarkan bank-bank konvensional menawarkan perkhidmatan perbankan Islam dengan menggunakan infrastruktur dan cawangan yang sedia ada
 - [D] kedua-dua (B) dan (C)
 - [E] tidak satu pun di atas

29. Pilih pernyataan yang **betul** dari senarai pernyataan yang diberikan seperti berikut:
- [A] Fasa pertama penubuhan sistem perbankan Islam melibatkan usaha untuk memperbanyakkan institusi-institusi yang menawarkan kemudahan-kemudahan perkhidmatan perbankan Islam sementara fasa kedua melibatkan usaha untuk memperbanyakkan instrumen-instrumen dan mempelbagaikan produk-produk kewangan Islam
 - [B] Pendekatan yang diambil dalam memperbanyak dan mempelbagaikan instrumen-instrumen dan produk-produk kewangan Islam ialah dengan menolak kesemua instrumen dan produk yang wujud di bawah sistem perbankan konvensional, dan sebagai gantinya, diperkenalkan produk-produk dan instrumen-instrumen kewangan Islam yang baru
 - [C] Pendekatan yang diambil dalam memperbanyak dan mempelbagaikan instrumen-instrumen dan produk-produk kewangan Islam ialah dengan mengkaji instrumen-instrumen dan produk-produk yang sedia wujud di bawah sistem perbankan konvensional, menerima pakai mana-mana produk dan instrumen yang tidak bercanggah dengan Islam, mengubahsuai mana-mana yang bercanggah dengan Islam tetapi boleh diubahsuai mengikut kehendak Islam, dan menolak mana-mana yang bercanggah dan tidak boleh diubahsuai dengan kehendak Islam
 - [D] Kedua-dua (A) dan (C)
 - [E] Kedua-dua (A) dan (B)
30. Sistem kewangan Islam melibatkan ...
- [A] sistem perbankan Islam sahaja
 - [B] sistem perbankan Islam dan sistem pasaran modal Islam sahaja
 - [C] sistem perbankan Islam dan institusi-institusi kewangan Islam bukan bank sahaja
 - [D] sistem perbankan Islam, sistem pasaran modal Islam dan institusi-institusi kewangan Islam bukan bank
 - [E] tidak satu pun di atas
31. Yang manakah di antara yang berikut **bukan** satu jenis integrasi ekonomi?
- [A] Kesatuan Kastam
 - [B] Kawasan Perdagangan Bebas
 - [C] Pasaran Bersama
 - [D] Kesatuan Ekonomi
 - [E] Zon Perdagangan Bebas

32. Yang manakah di antara yang berikut **bukan** merupakan fakta tentang eksport-import Malaysia pada tahun 1950an?
- [A] hasil eksport digunakan untuk membiayai pentabiran penjajah
 - [B] kebanyakan barang pengguna dan perkilangan diimport dari U.K.
 - [C] eksport komoditi sangat dipengaruhi oleh harga di pasaran dunia tetapi tidak dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dunia
 - [D] oleh kerana perkembangan sektor pertanian, import makanan berkurangan pada akhir 1950an
 - [E] eksport komoditi sangat dipengaruhi oleh ekonomi dan harga di pasaran dunia
33. Di antara yang berikut, yang manakah **tidak benar** tentang eksport-import Malaysia pada tahun 60an, 70an dan 80an.
- i. dalam tahun 1960an, lebih daripada 75% eksport Malaysia ialah eksport komoditi utama
 - ii. usaha-usaha mengurangkan pengantungan kepada eksport komoditi utama dimulakan pada tahun 1970an
 - iii. peningkatan mendadak harga petroleum pada tahun 1960an telah menonjolkan petroleum sebagai satu eksport yang penting
 - iv. eksport barang perkilangan mula meningkat pada akhir tahun 1970 an
 - v. pada tahun 1980an, eksport komoditi utama Malaysia masih melebihi 75% daripada jumlah eksport
 - vi. kemerosotan ekonomi dunia pada pertengahan tahun 80an memberikan kesan negatif terhadap eksport-import Malaysia
- [A] i, ii, iv, v dan vi
 - [B] ii, iii dan v
 - [C] i, iv dan vi
 - [D] iv, v dan vi
 - [E] tiada jawapan di atas
34. Jika kita menyusun data tentang eksport dan import barangan dan perkhidmatan, pindahan sehalu dan akaun modal jangka panjang bagi Malaysia, kredit bersih atau debit bersih yang dihasilkan dinamakan _____ Malaysia.
- [A] imbalan dagangan
 - [B] imbalan akaun semasa
 - [C] imbalan asas
 - [D] imbalan keseluruhan
 - [E] tiada jawapan di atas

35. Sejak tahun 1990 sehingga 1997 berturut-turut Malaysia mengalami ...
- [A] defisit dalam akaun dagangan
 - [B] lebihan dalam akaun perkhidmatan
 - [C] defisit dalam akaun semasa
 - [D] lebihan dalam imbalan keseluruhan
 - [E] tiada jawapan di atas
36. Punca utama masalah dalam akaun semasa imbalan pembayaran Malaysia terbit daripada ...
- [A] akaun dagangan
 - [B] akaun perkhidmatan
 - [C] akaun pindahan sehalu
 - [D] kesemua di atas
 - [E] tiada jawapan di atas
37. Yang manakah berikut benar tentang eksport-import Malaysia pada tahun 1990an?
- i. eksport komoditi utama kurang daripada 25% jumlah eksport
 - ii. eksport barang perkilangan melebihi 70% daripada jumlah eksport
 - iii. walaupun harga petroleum jatuh selepas Perang Teluk, volume eksport petroleum telah meningkat
 - iv. peningkatan *processes fuel dan lubricants* adalah kerana pengeluaran tempatan telah berkurangan
 - v. barang perantara merupakan komponen utama import Malaysia
 - vi. nilai import meningkat kerana peningkatan pendapatan individu dan perkembangan pesat pelaburan perindustrian dan pembinaan
- [A] i, ii v dan vi
 - [B] i, iii dan iv
 - [C] ii, iv, v dan vi
 - [D] iii, iv dan vi
 - [E] tiada jawapan di atas
38. Mana satu di antara butiran-butiran berikut bukan satu aset rizab rasmi Malaysia?
- [A] pegangan Hak Pengeluaran Khas oleh Malaysia
 - [B] kedudukan rizab Malaysia di IMF
 - [C] pegangan rasmi mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia
 - [D] pegangan rasmi ringgit Malaysia oleh pihak berkuasa kewangan negara lain
 - [E] tiada jawapan di atas

39. Di antara yang berikut, yang manakah fungsi utamanya adalah tentang perdagangan antarabangsa?
- i. ASEAN
 - ii. AFTA
 - iii. APEC
 - iv. OPEC
 - v. WTO
 - vi. GATT
 - vii. NAFTA
 - viii. UFO
 - ix. UNICEF
 - x. UNCTAD
- [A] i, iii, viii, ix dan x
 - [B] i, ii, iv, v, vi dan vii
 - [C] ii, iii, v, vi dan vii
 - [D] iv, v, vi, vii dan x
 - [E] ii, iv, v, vi vii dan x
40. Butiran-butiran pengimbang adalah ...
- [A] diperlukan untuk mengimbangi urusan-urusan antarabangsa
 - [B] butiran-butiran di bawah garisan
 - [C] urusan-urusan aset rizab rasmi
 - [D] kesemua di atas
 - [E] tiada jawapan di atas

BAHAGIAN B [30 markah]

Soalan ini MESTI dijawab.

Soalan 2.

Pelan Pemulihan Ekonomi Nasional (PPEN) telah dilancarkan oleh Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, pada 23 Julai, 1998, dengan tujuan untuk memulihkan ekonomi negara.

- (i) Adakah PPEN lebih mementingkan dasar fiskal ataupun dasar kewangan? Bincangkan.
- (ii) Apakah rasionalnya pertubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (AMC) dan bagaimanakah dana keperluan AMC dapat diperolehi? Bincangkan.
- (iii) Huraikan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh PPEN untuk mengekalkan kestabilan Ringgit.

...15/-

BAHAGIAN C [30 markah]

Jawab DUA (2) soalan sahaja dalam bahagian ini. Setiap soalan bernilai 15 markah.

Soalan 3

Senaraikan lima faktor yang menyebabkan kemerosotan mata wang dan harga saham Malaysia yang telah dibincangkan dalam artikel "*The Malaysian Economy in Crisis: Challenges and Responses*". Pilih mana-mana dua faktor tersebut dan bincangkan.

Soalan 4

Pembangunan Sumber Tenaga Manusia (HRD), terutamanya pekerja mahir, adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi. Bincangkan masalah-masalah HRD yang mungkin timbul akibat kegawatan ekonomi sekarang dan bagaimana masalah-masalah ini dapat dikurangkan.

Soalan 5

Bincangkan punca masalah imbalan pembayaran Malaysia masa kini dan cadangkan langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah ini.

Soalan 6

Tumpuan dan komposisi eksport Malaysia pada masa kini masih sempit. Bincangkan masalah ini dan cadangkan langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah ini.

- oo oOo oo -